

PEMBERITAHUAN

TAWARAN PAJAKAN PASAR JELAWAT BAGI TAHUN 2017

Tawaran adalah dipelawa dari orang ramai yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak pasar Jelawat, Bachok bagi tempoh 1hb. Januari 2017 hingga 31hb. Disember 2017. Pajakan ini tidak termasuk tandas awam di luar pasar Jelawat. Penawar juga diwajibkan memasuki bersekali dengan tawaran kebersihan kawasan Pekan Jelawat. Bagaimanapun ini bukanlah kemestian tetapi pertimbangan utama akan diberikan kepada mereka yang memasuki kedua-dua tawaran tersebut. Pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 90,000.00 setahun.

2. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan sebanyak **RM 1,000.00**. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya, manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima atau menolak tawaran, wang pertaruhan akan dijadikan hasil **MAJLIS DAERAH BACHOK**.

3. Tawaran hendaklah dibuat menerusi borang Khas yang boleh didapati di Pejabat **MAJLIS DAERAH BACHOK** dengan bayaran sebanyak **RM 20.00** satu, borang tawaran yang telah di sempurnakan hendaklah dimasukkan kedalam sampul bersekali dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah dimeterai hendaklah ditulis di atasnya "**TAWARAN PAJAKAN PASAR JELAWAT TAHUN 2017**" dan hendaklah dihantar kepada :

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BACHOK,
16300 BACHOK, KELANTAN.**

Selewat-lewatnya jam **12.00** tengahari pada **30 November 2016 (Rabu)** bersamaan **30 Safar 1438H**.

4. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian dan menjelaskan bayaran, deposit pajakan sebanyak tiga (3) bulan kadar pajakan bulanan serta bayaran setem perjanjian dalam tempoh tujuh (7) hari selepas diberitahu. Jika penawar gagal berbuat demikian. Tawaran pajakan akan dibatalkan tanpa sebarang notis lagi.

5. Penawar yang berjaya akan diberi surat kebenaran bagi membolehkan memungut bayaran hasil Kepala Bakul dari orang ramai yang telah menjalankan perniagaan di dalam pasar dan sekitarnya dengan tidak melebihi kadar yang telah ditetapkan di Lampiran A.

PEMBERITAHUAN

TAWARAN PAJAKAN PASAR DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH BACHOK BAGI TAHUN 2017

Tawaran adalah dipelawa dari orang ramai yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak Pasar dalam kawasan **MAJLIS DAERAH BACHOK** bagi tempoh satu tahun mulai 1hb. Januari 2017 hingga Disember 2017. Pasar-pasar yang dimaksudkan ialah :

- | | | | | | |
|------|----------------------|---|--------------------------|----------|----------|
| i. | Pasar Bachok | - | Had tawaran tidak kurang | RM 6,000 | setahun. |
| ii. | Pasar Beris K. Besar | - | " " " " | RM 7,000 | setahun. |
| iii. | Pasar Gunong | - | " " " " | RM 4,000 | setahun. |
| iv. | Pasar Wakaf Zain | - | " " " " | RM 7,000 | setahun. |
| v. | Pasar Tani Bachok | - | " " " " | RM 3,000 | setahun |

Mana-mana tawaran yang kurang dari kadar yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan. Semua tawaran hendaklah dibuat menerusi borang khas yang boleh didapati di pejabat Majlis Daerah Bachok dengan bayaran sebanyak RM 20.00 satu.

2. Setiap orang yang ingin memasuki tawaran hendaklah menyimpan wang pertaruhan RM 500.00 bagi Pasar Bachok, Wakaf Zain, Pasar Tani dan Beris Kubor Besar. Manakala RM 200.00 bagi Pasar Gunong. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya. Manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima atau menolak tawaran, wang pertaruhannya akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.

3. Borang tawaran yang telah di sempurnakan berserta dengan resit Am Wang Pertaruhan hendaklah dimasukkan kedalam sampul, dimeteri dan dibahagian atasnya di sebelah kiri hendaklah ditulis "**TAWARAN PAJAKAN PASAR (NAMA PASAR 2017)**" Sampul tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di pejabat ini sebelum jam **12.00 tengahari** pada **30 November 2016 (Rabu)** bersamaan **30 Safar 1438H**. Tawaran yang diterima selepas itu tidak akan dilayan.

PEMBERITAHUAN

TAWARAN PAJAKAN PASAR MALAM BACHOK BAGI TAHUN 2017

Tawaran adalah dipelawa dari orang yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak kutipan hasil Kepala Bakul Pasar Malam Bachok bagi tempoh 1hb Januari 2017 hingga 31hb Disember 2017. Pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM8,000.00 setahun.

2. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan sebanyak **RM500.00**. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima/menolak tawaran. Wang pertaruhan akan dijadikan hasil **MAJLIS DAERAH BACHOK**.

3. Tawaran hendaklah dibuat menerusi borang khas yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok dengan bayaran sebanyak **RM 20.00** satu. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah disempurnakan dan dimeterai hendaklah dituliskan "**TAWARAN PAJAKAN PASAR MALAM BACHOK BAGI TAHUN 2017**" dan hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BACHOK,
16300 BACHOK, KELANTAN.**

Selewat-lewatnya jam **12.00** tengahari pada **30 November 2016 (Rabu)** bersamaan **30 Safar 1438H**.

4. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit tambahan sebanyak 3 bulan kadar pajakan dan setem surat perjanjian dalam tempoh 7 hari selepas diberitahu. Jika penawar gagal berbuat demikian tawaran pajakan akan dibatalkan tanpa sebarang notis lagi.

5. Kos bagi kerja-kerja membersihkan kawasan Pasar Malam, Bayaran Bil Air dan Elektrik adalah tanggungjawab pemajak sepenuhnya untuk menjelaskannya.

6. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum **7 haribulan** pada setiap bulan, jika pemajak gagal berbuat demikian pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.

7. Pemajak akan diberi surat kebenaran untuk membolehkannya mengutip hasil dari para peniaga dengan kadar yang difikirkan munasabah oleh pihak majlis.

PEMBERITAHUAN

TAWARAN PAJAKAN TANDAS AWAM DI LUAR PASAR JELAWAT TAHUN 2017

Tawaran adalah dipelawa dari orang yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak dan menguruskan Tandas Awam Di Luar Pasar Jelawat Tahun 2017. Kadar pajakan tahunan dihadkan tidak kurang daripada RM 100.00 sebulan sehingga Disember 2017.

2. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan/deposit sebanyak RM300.00. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima/menolak tawaran wang pertaruhan akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.

3. Tawaran hendaklah dibuat menerusi borang khas yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok dengan bayaran sebanyak RM 20.00 satu. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah disempurnakan dan dimeterai hendaklah ditulis atasnya "TAWARAN PAJAKAN TANDAS AWAM DI LUAR PASAR JELAWAT TAHUN 2017 " dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di pejabat ini dan dialamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BACHOK,
16300 BACHOK, KELANTAN.**

Selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada 30 November 2016 (Rabu) bersamaan 30 Safar 1438H.

4. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit atas kadar tiga bulan pajakan.

5. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum atau pada 7 haribulan tiap-tiap bulan. Jika pemajak gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.

6. Bayaran Elektrik dan Air adalah tanggungjawab pemajak sepenuhnya untuk menjelaskan termasuk bayaran deposit.

7. Pemajak dikehendaki menjaga kebersihan tandas pada setiap masa hingga pihak majlis berpuas hati.

8. Penawar yang berjaya boleh memungut bayaran hasil dengan kadar yang difikirkan munasabah oleh pihak majlis.

PEMBERITAHUAN

TAWARAN PAJAKAN TANDAS AWAM DI PANTAI IRAMA BACHOK NO. 1, 2 DAN 3 TAHUN 2017

Tawaran adalah dipelawa dari orang yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak dan menguruskan Tandas Awam Pantai Irama No. 1, 2 dan 3 tahun 2017. Kadar pajakan tahunan dihadkan tidak kurang daripada RM 3,300.00 setahun .

2. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan sebanyak RM500.00. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima/menolak tawaran wang pertaruhan akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.

3. Tawaran hendaklah dibuat menerusi borang khas yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok dengan bayaran sebanyak RM 20.00 satu. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah disempurnakan dan dimeterai hendaklah dituliskan "TAWARAN PAJAKAN TANDAS AWAM DI PANTAI IRAMA BACHOK NO. 1, 2 DAN 3 TAHUN 2017" dan hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BACHOK,
16300 BACHOK, KELANTAN.**

Selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada 30 November 2016(Rabu) bersamaan 30 Safar 1438H.

4. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit atas kadar tiga bulan pajakan.

5. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum atau pada 7 haribulan tiap-tiap bulan. Jika pemajak gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.

6. Bayaran Elektrik dan Air adalah tanggungjawab pemajak menjelaskannya termasuk bayaran deposit.

7. Pemajak dikehendaki menjaga kebersihan tandas pada setiap masa hingga pihak majlis berpuas hati.

8. Penawar yang berjaya boleh memungut bayaran hasil dengan kadar yang difikirkan munasabah oleh pihak majlis.